

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DI MELAKA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
KES MAL NO: 04200-011-0133-2013

ANTARA

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

- PLAINTIF

DENGAN

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

- DEFENDAN

**[Mahkamah Tinggi Syariah Melaka (YA Tuan Othman Bin Ibrahim ,
Hakim Mahkamah Tinggi Syariah)**

*Undang- Undang Keluarga — Permohonan mendapatkan kebenaran untuk
berpoligami — Syarat-syarat yang perlu dipenuhi — Beban membuktikan —
Enakmen Undang- Undang Keluarga Islam Negeri Melaka, 2002, S, 23*

Di dalam kes ini pihak Plaintiff telah membuat permohonan kepada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Negeri Melaka, untuk mendapat kebenaran bertulis berpoligami. Plaintiff dalam kes ini, XXXXXX telah menyatakan ketika di dalam perbicaraan bahawa Plaintiff ingin berkahwin dengan seorang gadis yang bernama XXXXXX (selepas ini disebut sebagai 'gadis tersebut') atas alasan mereka berdua telah lama berkenalan di samping keluarga gadis tersebut telah merestui perkahwinan mereka.

Manakala, Defendan, XXXXXX iaitu isteri kepada Plaintiff telah memohon kepada Mahkamah untuk tidak memberikan kebenaran ke atas Plaintiff untuk berpoligami atas alasan Plaintiff telah gagal memberikan nafkah yang secukupnya ke atas Defendan serta layanan yang tidak baik diterima oleh Defendan sebagai seorang isteri. Di samping itu, Defendan juga menyatakan

bahawa Plaintiff sering bertengkar dengan dirinya.

Oleh yang demikian, Mahkamah telah mengenal pasti bahawa ada empat syarat yang disebut di bawah seksyen 23(5) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 sebelum Hakim Syarie dapat memberi kebenaran berpoligami. Mahkamah ingin mengingatkan bahawa keempat-empat syarat di bawah Seksyen 23(5) tersebut adalah sama pentingnya dan hendaklah dibuktikan secara berasingan.

Di dalam kes ini Plaintiff telah gagal memberikan justifikasi atau kepatutan mengapa beliau patut berpoligami dan oleh yang demikian, Plaintiff telah gagal membuktikan pada Mahkamah bahawa Plaintiff memenuhi kehendak semua syarat-syarat yang dinyatakan di bawah *Seksyen 23(5) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002*. Sedangkan, kegagalan mematuhi salah satu syarat daripada keempat-empat syarat tersebut pun sudah cukup bagi Yang Ariff Hakim untuk menolak sesuatu permohonan untuk berpoligami.

Keempat-empat syarat di bawah seksyen 23(5) *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002* tidak bertentangan dengan al-Quran khususnya Surah An-Nisa' ayat ke-3. Syarat-syarat di bawah seksyen itu adalah bertujuan untuk memastikan keadilan beristeri yang dituntut sebagai wajib oleh al-Quran. Seksyen 23(5) tidak bertujuan menghapuskan poligami tetapi memperuntukkan syarat-syarat yang amat munasabah dan membina dengan harapan keadilan bagi sesebuah keluarga Islam dapat tercapai dengan lebih berkesan lagi.

Ini amatlah bertepatan dengan prinsip-prinsip poligami dalam Islam di mana mengikut Islam bahawa seorang lelaki yang hendak berpoligami hendaklah berlaku adil seperti firman Allah:-

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَلْنَكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مِثْلَىٰ
وَتُلَّتْ وَرُبْعٍ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ

Yang bermaksud:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman. (An Nisa' : 3)

Para fuqaha membahaskan bahawa makna adil di sini ialah:-

Adil pada zahir iaitu seperti adil pada makan minumannya, adil pada tempat tinggalnya, adil pada pakaiannya dan adil pada tidurnya iaitu giliran bersama mereka. Bagaimanapun digalakan supaya adil juga pada kasih sayang dan berlaku adil pada bersama dengannya.

Selain itu, Mahkamah juga berpendapat bahawa beban bukti adalah di atas Plaintiff, XXXXXX bagi membuktikan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak dan undang-undang telah dipenuhi oleh beliau untuk berpoligami. Ini jelas berdasarkan daripada hadith Rasulullah SAW yang mafhumnya adalah seperti berikut:-

“Keterangan (beban bukti) hendaklah diberi oleh pihak yang menuntut (pendakwa) dan sumpah oleh pihak yang kena tuntutan (orang yang didakwa)”. (Riwayat Bukhari, Sahih al Bukhari bi Hashiyat al Sindi, Juzuk 2, hlm 78)

Ada empat syarat di bawah Seksyen 23(5) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 sebelum Hakim Syarie dapat memberi kebenaran berpoligami. Pihak suami hendaklah membuktikan dengan keterangan yang cukup:

- (a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandangkan kepada, antara lain, hal-hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;
- (b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;
- (c) bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan adil kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syarak; dan
- (d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebabkan *darar syarie* kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.

Mahkamah berpendapat bahawa semua syarat-syarat ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa seseorang suami yang hendak berpoligami akan berupaya bersifat adil kepada semua isteri dan bakal isterinya kelak. Mengikut al-Quran, sekiranya suami tidak berupaya berlaku adil, maka eloklah ianya berkahwin satu sahaja.

Mengikut Profesor Dr. Hamka di dalam bukunya Tafsir Al-Azhar, Ayat Surah An-Nisa' hendaklah dibaca serentak dan jangan dipotongi pangkal atau hujung ayat. Maka nyatalah di pangkal ayat ini membolehkan suami berpoligami (iaitu permissive), dan di hujung ayat menyekat poligami sekiranya suami tidak dapat berlaku adil (iaitu prohibitive). Islam hanya mengharuskan kahwin poligami, tetapi wajib memberi keadilan kepada isteri-isteri dalam perkara yang zahir seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan giliran tidur bermalam dengan isteri-isteri dan sebagainya.

Jika seorang yang hendak berpoligami itu ditakuti tidak dapat berlaku adil dan tidak menunaikan hak-hak isteri-isterinya maka haram berpoligami kerana

melakukan kezaliman itu hukumnya haram, berdasarkan kepada firman Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 3.

Sehubungan daripada itu, Mahkamah mendapati Plaintiff telah gagal membuktikan kepada Mahkamah Yang Mulia ini bahawa Plaintiff memenuhi keempat-empat syarat seperti mana yang dinyatakan di bawah Seksyen 23(5) *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002*.

Dalam kes ***Rajamah lwn Abdul Wahab ([1990] 7JH 171)***, Jawatankuasa Ulang Bicara Syariah di Selangor telah membenarkan rayuan pihak isteri, dan membatalkan perintah Mahkamah Rendah Syariah yang meluluskan permohonan pihak suami berkahwin isteri kedua, atas alasan bahawa beban membuktikan bahawa dia boleh memelihara lebih dari satu isteri adalah ke atas suami, dan dengan melihat kepada keterangan tentang kedudukan kewangan pihak suami dalam kes itu, dia telah gagal berbuat demikian.

Dalam kes ***Aishah bte Abdul Rauf lwn Wan Mohd Yusof bin Wan Othman, ([1990] 7JH 152)*** empat syarat yang disebut dalam seksyen 23 (4) *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984 di Selangor*, yang adalah sama dengan syarat-syarat di bawah seksyen 23 (4) *Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984*, telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa Rayuan, Mahkamah Syariah, Selangor. Dalam kes ini, pihak suami telah membuat permohonan kepada Mahkamah Rendah Syariah untuk mendapat kebenaran berpoligami. Hakim Mahkamah Rendah Syariah telah memberi kebenaran tersebut, dan pihak isteri sedia ada telah merayu kepada Jawatankuasa Rayuan. Jawatankuasa Rayuan telah membenarkan rayuan itu, dengan memutuskan bahawa beban pembuktian adalah atas pihak suami untuk menunjukkan bahawa dia telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam undang-undang. Hakim yang arif hanya mengambil berat atas kemampuan kewangan suami di bawah syarat (b), tetapi mengabaikan syarat (a), (c) dan (d) dengan menerima kenyataan pihak suami tanpa apa-apa bukti dan sokongan Hukum Syara'. Jawatankuasa Rayuan menekankan bahawa keempat-empat syarat di bawah seksyen 23(4) adalah sama pentingnya dan hendaklah dibuktikan berasingan. Dalam keterangannya, pihak suami telah memberi alasan untuk berpoligami bagi

maksud menghalalkan pertalian kasih sayangnya dengan perempuan yang berkenaan. Jawatankuasa Rayuan berpendapat bahawa walaupun alasan ini mungkin mencukupi untuk memenuhi syarat "keperluan" untuk berpoligami, tetapi ianya tidak ada kena-mengena dengan soal "kepatutan".

Sebagai seorang Islam, dia patut boleh mengawal nafsunya dan mengelakkan diri dari melakukan zina dan perkara maksiat. Berlainan dari malaikat dan haiwan, manusia itu dianugerahi oleh Allah s.w.t. dengan akal dan nafsu. Untuk membolehkan seseorang manusia mengekalkan kedudukannya di tempat yang atas dari tiga makhluk Allah, manusia adalah dikehendaki sentiasa mengawasi nafsu dengan akal dan tidak sebaliknya. Pihak suami dalam kes ini mengaku isteri sedia adanya tidak cacat dari segi jasmani dan mempunyai ciri-ciri kepuasan batin dan tidak pernah ingkar dalam hubungan suami isteri.

Jawatankuasa Rayuan memutuskan bahawa pihak suami telah gagal memenuhi syarat (a) dan dengan kegagalannya mematuhi satu syarat tersebut, permohonan suami telah ditolak. Mengenai syarat (c) dan (d), sekurang- kurangnya pihak suami hendaklah membuktikan bahawa dia adalah suami yang menunaikan perintah-perintah Allah seperti sembahyang, fardhu puasa dan sebagainya. Jawatankuasa Rayuan menyatakan bahawa keempat-empat syarat yang dikenakan tersebut tidak bertentangan dengan al-Qur'an kerana ia bertujuan untuk memastikan keadilan kepada pihak isteri yang dituntut sebagai wajib oleh al-Qur'an.

Dalam suatu kes di Singapura, ***Ayisha Begum lwn. Hajjah Maideen* ([1988] 3 MLJ xlv)**, Lembaga Rayuan Syariah telah memutuskan bahawa ujian yang terpakai mengenai "sama ada pihak suami mampu menyara lebih dari seorang isteri dan berupaya, jika dia berkahwin lebih dari satu, untuk melayan isteri-isteri dengan adil mengikut undang-undang Islam" (syarat yang diperantukkan dalam kaedah 11 Kaedah-Kaedah Perkahwinan dan Perceraian Islam 1968 di Singapura bagi melaksanakan syarat mengikut Surah an-Nisa" 4:3), adaiiah ujian yang objektif, iaitu apa yang dikatakan layanan yang adil bermaksud layanan yang dianggap sebagai adil oleh

orang-orang Islam pada amnya, dan bukannya ujian yang subjektif iaitu apa yang suami itu sahaja anggap sebagai adil.

Keputusan:

Di atas alasan-alasan yang disebut di atas, maka Mahkamah dengan ini menolak permohonan Plaintiff untuk berpoligami di bawah Seksyen 23 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.